



ZALIHA melawat salah sebuah unit kediaman dalam Residensi Kecapi di Sentul, Kuala Lumpur.

Penantian warga Kampung Railway berakhir

KEDIAMAN SIAP SELEPAS 10 TAHUN

AZLAN ZAMBRY

PENANTIAN hampir sedekad akhirnya terlerai apabila Residensi Kecapi, projek pembangunan semula yang tertangguh hampir 10 tahun kini siap sepenuhnya dan diserahkan secara rasmi kepada penduduk asal Kampung Railway di Sentul.

Majlis pelancaran disempurnakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa**, yang turut menyatakan rasa lega dan syukur kerana penyelesaian tuntas akhirnya dicapai demi membela nasib golongan berpendapatan rendah.

"Setelah hampir 10 tahun menunggu, akhirnya mereka yang berhak kini dapat memiliki rumah ini pada harga RM42,000 sahaja, berbanding nilai pasaran semasa sekitar RM200,000.

"Ini bukan sahaja satu kelegaan, tetapi bukti komitmen Kerajaan MADANI untuk mendahulukan rakyat," katanya.

Projek tersebut merupakan hasil kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Sentul Raya Sdn Bhd (SRSB), anak syarikat kepada

YTL Land and Development Bhd yang membangunkan 250 unit rumah mampu milik berkeluasan 650 kaki persegi setiap satu, lengkap dengan tiga bilik tidur, dua bilik air, dewan komuniti, surau dan kemudahan tempat letak kereta.

Sebanyak 175 unit diperuntukkan kepada bekas penduduk Kampung Railway, yang merupakan bekas kakitangan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan kini diwarisi anak-anak mereka. Setakat ini, 27 keluarga telah bersetuju untuk berpindah masuk.

"Kita masih membuka ruang kepada penduduk lain untuk menandatangani perjanjian pemilikan. Proses ini mengambil masa kerana pelbagai cabaran termasuk pandemik COVID-19, namun akhirnya berjaya diselesaikan," kata beliau pada sidang media selepas majlis perasmian baru-baru ini.

Dalam majlis yang sama, turut dilancarkan Program Bintang Cemerlang 2.0, iaitu program tanggungjawab sosial korporat (CSR) hasil kolaborasi antara SRSB dan Universiti UCIS.

Program ini memberi fokus kepada pemulihan pendidikan pelajar yang tercipir akibat pandemik, terutama dalam kemahiran asas 3M (membaca, menulis dan mengira) di 23 buah sekolah rendah sekitar kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Sentul.

"Usaha ini selari dengan inisiatif Ilmu @PUJI yang sedang dilaksanakan di Wilayah Persekutuan. Kita tidak mahu ada pelajar yang tertinggal dalam arus pendidikan arus perdana," tambahnya.

Zaliha turut menyeru rakan-rakan industri agar tampil membantu kerajaan dalam usaha membina kota yang bukan hanya berfungsi sebagai tempat tinggal, tetapi sebagai lambang kesejahteraan dan inklusiviti sosial.

Projek Residensi Kecapi dan pelaksanaan program pendidikan komuniti ini menjadi simbol nyata bahawa pembangunan bandar tidak hanya bergantung kepada batu-bata, tetapi diperkukuh oleh nilai keadilan sosial, pendidikan dan keprihatinan terhadap rakyat.